

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]
TARIKH : 2.4.2018 (ISNIN)
SOALAN :

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan sekolah rendah SJKC dan SK di Sarawak dan bilangan murid masing-masing. Adakah Kerajaan merancang membina SJKC yang baru di Sarawak dalam tahun 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data seperti pada 31 Januari 2018, terdapat 1,045 buah Sekolah Kebangsaan (SK) dan 220 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di negeri Sarawak. Enrolmen keseluruhan murid di 1,045 buah SK adalah seramai 183,288 manakala enrolmen keseluruhan murid di 220 buah SJKC adalah seramai 61,571. Pada masa ini, Kementerian Pendidikan Malaysia tidak mempunyai perancangan untuk membina SJKC baharu di Sarawak kerana institusi pendidikan rendah sedia ada masih boleh menampung keperluan pendidikan anak-anak masyarakat / daerah setempat.